

24 OCT 1996

Mahathir-Peneroka

JANGAN BOROS, NASIHAT PERDANA KEPADA PENEROKA JUTAWAN

CHANGLUN, 24 Okt (Bernama) -- Jangan boros, itulah nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada peneroka yang mendapat kekayaan, khususnya yang menjadi jutawan setelah menjual tanah rancangan mereka untuk pembangunan.

Perdana Menteri berkata, mereka mesti merancang masa depan dan berjimat-cermat dengan melabur sebahagian besar daripada wang yang ada untuk masa depan mereka dan keluarga.

"Berhati-hati dalam membuat perancangan itu kerana saya tidak ingin melihat mereka kembali kepada kehidupan yang daif dan serba kekurangan seperti dahulu dan dihina oleh orang lain kerana mereka tidak tahu merancang dan tidak berupaya menguruskan kekayaan yang dinikmati," katanya.

Beliau memberi nasihat itu ketika merasmikan sambutan 40 tahun peneroka Felda peringkat kebangsaan dan melancarkan Yayasan Peneroka Negera, di Felda Bukit Tangga dekat sini.

Perdana Menteri berkata, mereka bolehlah membeli sesuatu yang wajar jika mereka mahu tetapi sebahagian besar daripada wang yang diperolehi itu sebaik-baiknya digunakan untuk perkara yang lebih bermanfaat.

"Boleh beli sikit tetapi kalau boleh 95 peratus dilaburkan...kita kini ada pelbagai cara pelaburan, skim saham amanah dan simpanan, malahan belanja untuk pendidikan anak-anak juga adalah pelaburan".

"Wang tidak boleh dianggap semata-mata sebagai suatu kemudahan untuk membeli-belah tetapi ia perlu digunakan sebagai modal untuk menjamin kehidupan yang lebih sempurna pada masa hadapan.

"Kalau kita guna duit sebagai modal untuk masa depan, kita akan selamat tetapi kalau tidak guna untuk masa depan, tentu kita tidak akan selamat."

Dengan merujuk kepada lebih 400 peneroka Felda L.B. Johnson di Senayan, Negeri Sembilan yang dilaporkan menjadi jutawan setelah tanah mereka dibeli untuk projek pembangunan, Dr Mahathir berkata keghairahan untuk berbelanja harus dibendung supaya mereka tidak kesal pada kemudian hari.

"Belanjalah...tidak lama lagi habislah tu. Lepas itu nak buat apa. Saya ingin menasihati mereka, jangan terlalu gopoh belanja wang. Belanja sikit tidak mengapa tetapi yang lain melabur atau beli harta lain seperti rumah ataupun rumah kedai yang boleh disewakan.

"Kalau nak beli juga, belilah Perodua (Kancil)...jangan beli kereta yang mewah seperti yang dilihat dalam surat khabar semalam."

Perdana Menteri turut memberikan contoh bagaimana para peneroka berkenaan boleh mendapat hasil yang lumayan daripada pelaburan mereka.

Katanya, jika wang RM1 juta itu dilaburkan dan faedah yang diberikan sebanyak 10 peratus setahun, peneroka berkenaan boleh mendapat hasil lebih RM100,000 setahun.

"Dalam sebulan mereka dapat antara RM8,000 dan RM9,000...separuh daripada gaji Perdana Menteri. Daripada pendapatan itu mereka boleh beli kereta atau apa sahaja tetapi kalau wang RM1 juta dibelanjakan sekali gus akhirnya mereka tidak akan ada wang lagi dan barang yang dibeli itu juga tidak akan kekal."

Beliau berkata peneroka berkenaan harus mempunyai perancangan dan bersikap bertanggungjawab terhadap anak dan cucu mereka.

Beliau selanjutnya menegaskan bahawa kerajaan tidak menghalang peneroka untuk menjual tanah sekiranya ada tawaran yang baik tetapi adalah menjadi tanggungjawab peneroka berkenaan untuk menilai keuntungan yang bakal diperolehi dan merancang masa depan serta mengenal pasti sumber pendapatan selepas harta itu dijual.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata selagi seseorang itu memiliki tanah

selama itulah dia mempunyai modal untuk menjamin masa depannya.

Beliau berkata dalam membuat keputusan untuk menjual tanah, para peneroka juga perlu memikirkan dengan semasak-masaknya manfaat daripada tindakan itu serta usaha yang telah dicurahkan dari masa mereka mula menyertai tanah rancangan itu.

"Jangan kita fikir hari ini untuk hari ini sahaja. Kita kena fikir panjang ...untuk jangka panjang."

Katanya, para peneroka perlu bersyukur dengan kejayaan rancangan Felda dan kemakmuran yang dinikmati tanpa melupai tentang masa depan mereka.

"Ini penting supaya kita tidak akan kembali menjadi satu bangsa yang dihina bangsa lain kerana kita begitu daif, begitu miskin dan kurang pengetahuan serta tidak cekap dalam mengurus kehidupan kita," katanya.

Pada majlis yang dihadiri kira-kira 6,000 orang itu, Dr Mahathir menyampaikan hak milik tanah kepada sembilan daripada lebih 2,000 orang peneroka dari sembilan tanah rancangan Felda di seluruh negara.

Beliau turut menerima sumbangan berjumlah RM1.01 juta dari wakil-wakil syarikat untuk Yayasan Peneroka Negara, yang ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu peneroka ataupun keluarga mereka yang memerlukan bantuan kewangan.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Haji Sukam, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim. -- BERNAMA

MFJ NMO